

11 OCT 1996

Umno-Bahas (Pagi)

KENAKAN HUKUMAN LEBIH KERAS UNTUK BANTERAS POLITIK WANG

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno mahu tindakan lebih keras diambil terhadap anggota perwakilan yang menerima sogokan, bukan sahaja terhadap calon pemilihan yang mengamalkan politik wang.

Wakil pergerakan itu Norliza Yusof ketika menyambung perbahasan ucapan Presiden pada hari kedua perhimpunan agung Umno di sini hari ini berkata, anggota perwakilan yang terlibat hendaklah digantung keanggotaan mereka dalam parti selama tidak kurang daripada setahun selain digugurkan hak mengundi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno ketika menyampaikan ucapan dasar itu semalam telah menitikkan air mata ketika menyeru anggota parti menolak politik wang demi bangsa, agama dan negara.

"Biarlah kita mempunyai anggota yang sedikit tetapi bersih daripada rasuah," kata Norliza.

Katanya Umno juga perlu mempunyai badan penyiasatan khas sendiri ala Badan Pencegah Rasuah yang diberi kebebasan untuk menyiasat sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dengan politik wang dan salahguna kuasa.

Wakil Sabah Datuk Kasitah Gadam berkata Umno perlu menggubal satu tatacara tetap pemilihan dan kempen bagi semua peringkat pemilihan parti sebagai usaha mengawasi gejala politik wang.

Tatacara itu mesti dimulakan dari peringkat bawahan parti, cawangan dan bahagian, katanya.

"Disebabkan unsur-unsur politik wang bermula dari peringkat pemilihan perwakilan lagi, MT perlu mengeluarkan tatacara mengenai perihal dan perilaku kempen di peringkat cawangan dan bahagian," katanya.

Kasitah turut menegaskan pentingnya integrasi nasional dengan mencadangkan satu landasan kereta api laju dibina bagi menghubungkan bahagian utara Sabah dengan Kuching, Sarawak dan dari situ, diadakan perkhidmatan feri terus ke Johor.

Wakil Melaka Datuk Abdul Aziz Tapa berkata, gejala politik wang dalam parti yang wujud kini sebenarnya sudah bermula sejak tahun 1960-an.

"Cuma pada masa dulu, ia dipanggil duit kopi yang dihulur oleh seorang pemimpin kepada anak-anak buahnya...", kata veteran parti itu dengan disambut gelak-ketawa para wakil.

Dengan nada berseloroh lagi, Abdul Aziz bertanya kepada perwakilan: "Siapa yang mulakan politik wang ni,?" katanya sambil menoleh ke pentas khas tempat anggota Majlis Tertinggi (MT). Sekali lagi suasana riuh dengan gelak ketawa.

Kemudian dengan nada serius pula beliau berkata amalan "menghulur duit kopi" boleh bertukar menjadi amalan yang boleh menjejaskan parti apabila jumlah atau nilai pemberiannya besar dan menjadi satu norma.

Wakil Johor Abu Bakar Dewa berkata, satu bentuk "tarbiyah" perlu dilakukan oleh parti "untuk menghasilkan pemimpin yang mempunyai ilmu dan sahsiah."

Beliau juga menyentuh kemasukan bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang perlu diterima dengan hati terbuka oleh setiap anggota Umno.

"Apabila sudah menyertai Umno, jadilah seperti tentera Gurkha yang terkenal dengan kesetiaan kepada ketuanya," katanya sebagai merujuk kenyataan bekas Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah yang baru-baru ini berkata beliau sanggup menjadi "Gurkha Umno".

Wakil Pergerakan Pemuda, Ismail Taib berkata jawatankuasa disiplin

perlu ditubuhkan di peringkat cawangan, bahagian dan perhubungan negeri dalam usaha membanteras gejala politik wang dan rasuah dalam parti.

Beliau kesal gejala itu masih berlaku walaupun pada perhimpunan yang lepas-lepas pun perwakilan sudah bersetuju untuk mengatasi gejala itu.

"Jadikanlah perhimpunan ini satu muzakarah mencari jalan mengatasi gejala itu. Kita tidak mahu Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menitiskan air mata seseorang, kita sama-sama pemimpin parti perlu menangannya" katanya.

Setiap anggota parti yang menghadiri perhimpunan ini apabila pulang nanti hendaklah sama-sama menjalankan tanggungjawab membanteras gejala itu yang boleh menghancurkan parti dan menyebabkan ia tidak akan mampu meneruskan perjuangan membela nasib orang Melayu dalam tempoh 10 atau 20 tahun lagi.

"Kita tidak hanya boleh bergantung kepada menteri atau pemimpin parti untuk menghadapi dan menangani gejala itu, ahli di peringkat bawah mesti memikul tanggungjawab itu," katanya.

Beliau kesal dalam usaha parti mahu meneruskan perjuangan jujur yang telah membawa kepada pembangunan negara, masih ada di kalangan orang Melayu yang mahu menghancurkan perjuangan parti.

Muhammad Tajuddin Ninggal, ketua Kelab Umno Michigan, Amerika Syarikat yang mewakili 23 kelab Umno luar negara ketika membahaskan usul itu berkata Malaysia kini dikagumi oleh masyarakat antarabangsa kerana kejayaannya dan ramai yang mula bertanya mengenai rahsia kejayaan Malaysia.

Beliau menarik perhatian perwakilan bahawa Dr Mahathir telah memberi resipi kepimpinan dalam ucapan dasarnya semalam terutamanya mengenai reformasi budaya yang perlu ada pada Umno dan orang Melayu untuk memastikan bangsa Melayu sentiasa berubah dan terus maju.

"Ilmu ialah satu proses kesinambungan hidup, dengan ilmu yang bertambah kita boleh memajukan negara dan memperkayakan dunia," kata Muhammad Tajuddin.

Usul yang dibentangkan oleh Umno Pahang dan disokong oleh Umno Selangor itu kemudian diluluskan. -- BERNAMA

AFY MAI